

21 MAY 2002

Mahathir-China/I

DR MAHATHIR YAKIN CHINA TIDAK KEMBANGKAN TENTERANYA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berpendapat China tidak akan mengembangkan tenteranya.

"Malaysia percaya jika kita layan China seperti bakal musuh, ia akan anggap kita sebagai musuhnya sekarang dan bertindak balas dengan melengkapkan dirinya dengan senjata secukupnya," kata Perdana Menteri dalam ucap utama bertajuk "China - Satu Cabaran Atau Peluang Kepada Asean" pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-8 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sebarang dasar untuk cuba membendung China berkemungkinan besar akan mendorong negara itu meningkatkan kekuatan tenteranya untuk menyamai bakal musuhnya.

"Pengalaman mengajar kita bahawa jika tentera itu kuat, terdapat keinginan untuk mengguna dan menguji tahap kekuatannya. Hanya satu insiden kecil saja boleh membawa kepada kemusnahan," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, lebih baik jika China diterima sebagai satu kuasa besar ekonomi.

"Ia akan menjadi kuat tetapi tidak akan menguasai dunia. Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, malahan Korea akan dapat mengimbangnya," kata Perdana Menteri.

Daripada segi sejarah, katanya, China tidak pernah menjajah mana-mana negara, sebaliknya negara-negara Eropah telah menakluki dan menjajah negara-negara Asia yang terletak beribu-ribu batu dari Eropah.

Sebarang pertembungan di masa depan yang membabitkan China adalah dalam bidang ekonomi dan ianya adalah antara China dan negara-negara maju, katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, tidak ada sebab bagi negara-negara Asia Tenggara untuk bimbang mengenai kekuatan ketenteraan China.

Namun, katanya, terdapat keperluan untuk mewujudkan satu mekanisme untuk meredakan sebarang perbalahan yang boleh membawa padah.

"Kumpulan Ekonomi Asia Tenggara (EAEG) boleh menyediakan mekanisme ini," katanya.

Perdana Menteri berkata sukar untuk difahami kenapa terdapat bantahan terhadap EAEG.

Katanya Kesatuan Eropah adalah produk Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan pencapaian paling bermakna oleh EEC bukan sangat dalam bidang ekonomi tetapi keamanan yang dihasilkannya selama setengah abad di Eropah.

Oleh itu, tidak mustahil EAEG yang dicadangkan itu akan menghasilkan keamanan serupa di Asia Timur, katanya.

Begitu juga dengan cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur sebagai lanjutan kepada perjanjian pertukaran yang tidak akan menjejaskan sesiapa pun sama ada dalam atau luar kumpulan itu, kata Dr Mahathir.

Oleh kerana masalah masa ini membabitkan kewangan, tabung itu akan membantu menyediakan penyelesaian awal jika negara anggota berdepan dengan masalah kewangan, katanya.

Beliau juga berkata hubungan China dengan negara-negara Asia Tenggara adalah baik.

Terdapat banyak minoriti Cina di negara-negara Asia Tenggara tetapi mereka adalah rakyat yang setia, katanya.

"Kami berpendapat orang Cina di Asia Tenggara tidak mempunyai sebarang hasrat untuk menyumbang ke arah cita-cita atau kegiatan perluasan wilayah sebarang laut oleh China.

"Malahan, kami berpendapat mereka menjadi jambatan yang baik ke arah

kerjasama ekonomi antara China dan Asia Tenggara," kata Dr Mahathir.

Sebaliknya, terdapat segelintir yang mahu menjadikan negara-negara ini sebagai sebahagian dari China dengan mendesak supaya masyarakat Cina dibezakan daripada penduduk asal dengan mempunyai sistem pendidikan Cina, sekolah Cina berasingan dan mengekalkan apa saja yang berunsur Cina.

Namun, katanya, mereka ini tidak banyak dan tidak mendapat sokongan kebanyakan kaum Cina yang ingin hidup aman bersama penduduk asal serta dapat menjalankan perniagaan untuk meraih kekayaan.

-- BERNAMA

SHO FR ZS MAI